

PELAKSANAAN AKTIVITI MASJID AN-NAIM DALAM DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT

Nur Hikmah Binti Mat Waijar¹, Safinah Binti Ismail¹ & Sahlawati Abu Bakar¹

¹Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Safinah binti Ismail. Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: safinah@kuis.edu.my.

Abstrak

Masjid adalah nadi penting dalam Masyarakat Islam. Ia perlu diimarahkan sebaiknya. Masjid An-Naim telah melakar kejayaan semenjak penubuhannya. Ia buktikan dengan beberapa pencapaiannya seperti Anugerah Masjid Contoh dan Terbaik, selain Masjid yang menyelia pengurusan 13 buah surau di bawahnya. Namun masih terdapat masjid-masjid yang kurang menjalankan aktiviti disebabkan dengan pelbagai kekangan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang Masjid An-Naim dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kajian kes. Kaedah pengumpulan data adalah melalui temu bual. Persampelan dilakukan kepada Masjid An-Naim, Jalan Kebun, Shah Alam, Selangor. Data yang diperolehi dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan Masjid An-Naim adalah masjid yang aktif dalam menjalankan pelbagai aktiviti dari segi aspek pendidikan, dakwah, kebajikan, ekonomi, kesihatan, wanita dan sebagainya. Masjid ini telah mencapai pelbagai anugerah antaranya adalah Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor 2009 mendapat tempat kedua dalam kategori B (berusia 10 tahun ke atas), Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor 2004 dalam kategori C (berusia 16 tahun ke atas) dan Anugerah Penanda Aras Pencapaian KPI 2014 Masjid Daerah Klang. Diharapkan artikel dapat memberi panduan kepada pengurusan masjid, individu dan masyarakat dalam usaha mengimarahkan masjid di kawasan masing-masing.

Kata kunci: aktiviti, Masjid An-Naim, dakwah, masyarakat, imarah

(IMPLEMENTATION OF MASJID AN-NAIM'S ACTIVITIES IN THE SOCIETY)

Abstract

The mosque is the heart of the Muslim community. It needs to be addressed as best as possible. An-Naim Mosque has achieved success since its establishment. It proves it with several achievements such as the Best and Best Mosque Award, in addition to the Mosque that oversees the management of 13 suraus under it. However, due to various constraints, several mosques continue to operate inactively. As a result, the purpose of this research is to investigate the history of An-Naim Mosque as well as the activities that take place there. This study's technique is in the form of a case study. Interviews are used to obtain information. An-Naim Mosque, Jalan Kebun, Shah Alam, Selangor, was the location of sampling. The gathered data was thematically analysed. The study's findings suggest that An-Naim Mosque is an active mosque in terms of education, da'wah, welfare, economy, health, and women, among other things. This mosque has received several accolades, including the Selangor State Best Mosque Award 2009, which placed second in category B (10 years old and above), the Selangor State Best Mosque Award 2004, which placed second in category C (16 years old and above), and the KPI Achievement Benchmark Award 2014, which was given to the Klang District Mosque. The article is intended to provide assistance to mosque management, people, and communities in their efforts to promote mosques in their local areas.

Keywords: Masjid An-Naim, dakwah, activities, society, imarah

Received: June 11, 2024

Accepted: October 5, 2024

Online Published: December, 2024

1. Pengenalan

Institusi masjid bukanlah sekadar menjadi pusat untuk menunaikan solat dan ceramah sahaja, tetapi mampu menyumbang kepada pelbagai pelaksanaan aktiviti untuk masyarakat, sekaligus menjadikan masjid sebagai salah satu medium dakwah dan agen kepada persatuan ummah. Di zaman Rasulullah SAW, aktiviti masjid telah dimaksimumkan terutama berkaitan ibadah, pentadbiran dan kemasyarakatan. Salah satu faktornya adalah kerana bilik Rasulullah SAW sendiri bersambung dengan masjid. Justeru itu, urusan harian Baginda SAW sendiri banyak berlaku di dalam masjid apabila dikunjungi oleh para sahabat untuk bertanyakan soalan atau diselesaikan permasalahan yang timbul (Abdul Hakim Bin Baharudin @ Ismail, 2018)

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW ke Madinah bersama para sahabat, langkah awal yang telah baginda lakukan adalah membina masjid. Konsepnya bukan hanya sebagai tempat mendirikan solat dan melaksanakan ibadah semata-mata bahkan ia menjadi pusat pembentukan masyarakat dan sosial. Berdasarkan nukilan para sejarawan Islam yang

menghimpunkan sirah hidup baginda SAW, dapat dirumuskan beberapa aktiviti masjid yang dijalankan antaranya adalah (Dawamy, 2008: Safinah Ismail, 2014)

- Pusat ibadah
- Pusat konsultasi dan komunikasi
- Pusat ilmu dan dakwah
- Pusat rawatan dan kebajikan masyarakat
- Pusat perbincangan dan ketenteraan
- Pusat pengaduan dan menuntut keadilan

Namun, terdapat beberapa faktor yang menunjukkan masjid-masjid di Malaysia tidak berfungsi dengan baik antaranya adalah ketiadaan perancangan dan penyelarasan yang menyeluruh, program pengimarahannya yang terbatas serta pembangunan dan kemudahan yang terhad (Mohd Idris Bin Mohd Yusoff & Syarul Azman Bin Shahrudin 2020). Aktiviti masjid yang dianjurkan kurang mendapat sambutan oleh masyarakat setempat Aiman Danial Muhyiddin & Azriana Ridouan (2020).

2. Masjid An-Naim

Masjid telah siap dibina pada awal tahun 1988 dengan kos pembinaan mencecah RM1.5 juta. Dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj Ibn Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Al-Haj pada hari Jumaat, 2 Sept 1988 bersamaan 20 Muharram 1409H. Masjid ini dibina di atas tanah wakaf yang diinfaqkan oleh Allahyarham Tuan Haji Talha Bin Abdul Latif, Allahyarham Tuan Haji Munawi Bin Sujak, Allahyarham Tuan Hj. Abdul Aziz Sawirano. Masjid yang siap dibina ini dinamakan "Masjid An-Naim" Jalan Kebun (<http://ictmasjid.blogspot.com/p/masjid-naim.html#>)

2.1 Objektif Masjid An-Naim

Melahirkan ummah yang berkualiti dalam ibadat seharian mengikut Al-Quran dan As-Sunnah.

2.2 Visi dan Misi Masjid An-Naim

Visi: Untuk melahirkan masyarakat Islam yang komited terhadap masjid dengan pelbagai aktiviti dan program pengimarahannya kepada semua lapisan masyarakat

Misi: Untuk melahirkan satu pengurusan pentadbiran masjid di dalam negeri Selangor yang terbaik, cekap, menjadi contoh dan direstui Allah SWT.

2.3 Logo Masjid An-Naim



Rajah 2: Logo Masjid An-Naim

2.4 Senarai Surau di Bawah Jagaan Masjid An-Naim

- I. Surau Ar- Rahman
- II. Surau Nurul Iman

- III. Surau Al-Amin
- IV. Surau An-Nur
- V. Surau Kemuning Utama
- VI. Surau Al-Firdaus
- VII. Surau Al-Hidayah
- VIII. Surau Annur Al-Idrisiah
- IX. Surau Al-Azizah
- X. Surau Al-Falah
- XI. Surau Al-Hijrah
- XII. Surau An-Namira
- XIII. Surau As-Solehin
- XIV. Surau An-Najihin

3. Pencapaian

Sepanjang 32 tahun setelah pembinaan Masjid An-Naim dengan silih berganti pemimpin, telah banyak pencapaian dan anugerah diperolehi. Terdapat beberapa anugerah yang diperolehi antaranya

- 1) Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor 2009 mendapat tempat kedua dalam kategori B (berusia 10 tahun ke atas),
- 2) Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor 2004 dalam kategori C (berusia 16 tahun ke atas)
- 3) Anugerah Penanda Aras Pencapaian KPI 2014 Masjid Daerah Klang.
- 4) Pertandingan Masjid Terbaik Peringkat Daerah Klang Tahun 2011, Mendapat Tempat Ketiga
- 5) Anugerah Piala Pusingan Pertandingan Masjid Contoh.

- 6) Anugerah Piala Pusingan Johan Masjid Contoh Dan Terbaik
- 7) Pertandingan Masjid Terbaik Peringkat Negeri Selangor 2001

4. Aktiviti – Aktiviti Masjid An-Naim

Masjid An-Naim merupakan salah satu masjid yang aktif di sekitar Selangor dengan melaksanakan perbagai aktiviti-aktiviti untuk masyarakat Selangor, terutamanya masyarakat tempatan Jalan Kebun, Shah Alam. Dalam kajian ini, aktiviti Masjid An-Naim disenaraikan mempunyai enam aspek aktiviti iaitu dari segi Pendidikan, Ibadah, Sosial, Kebajikan, Ekonomi dan Kesihatan.

4.1 Pendidikan

4.1.1 Program Kembara Ilmu

Program kembara ilmu MPAYM Masjid An-Naim: Amazing Putra Jaya 2019. Para peserta berkumpul di masjid seawal jam 7 pagi. Selepas taklimat dan bacaan doa semua peserta bergerak ke Putra Jaya menaiki 2 biji bas.

4.1.2 Kem Bina Sahsia Diri

Kem ini selama empat hari berturut-turut pada 2 Disember hingga 5 Disember 2019 sempena cuti sekolah. Pada 2 Disember 2019, Pendaftaran Kem Bina Sahsia Diri (Remaja Cinta Rasul). Sempena Cuti sekolah akhir 2019 bermula Masjid An-Naim Jalan Kebun telah menyediari program untuk anak-anak mengisi masa lapang cuti sekolah dengan perkara yang berfaedah dan memberikan manfaat untuk masa hadapan. Kelayakkan peserta dari umur 7 hingga 15 tahun terbuka kepada lelaki dan perempuan. Peserta yang telah menyertai kem ini lebih 100 anak-anak telah mendaftar. Program berlangsung sehingga 5 Disember 2019 dikendalikan oleh Biro Latihan dan Pendidikan Masjid An-Naim dan Pekdis Pejabat Pelajaran Daerah Klang.

4.1.3 Kelas Tadabbur Juz Amma

Biro Muslimat Masjid An-Naim membuka tirai 2020 dengan menjemput semua muslimat bersama di majlis ilmu Kelas Tadabbur Juz Amma Al-Humazah (Pengumpat a.k.a membawang) pada 30 Januari 2020, hari Khamis pada jam 2.30 petang hingga 4:30 petang. tadabbur surah Al-Fil pada 12 Dis 2019, merenung kisah Gajah dan burung Ababil dan banyak lagi surah-surah yang akan ditadabbur. Ia dibimbing oleh Ustazah Hazlina Abd Razak sebagai ketua biro muslimat. Diadakan di bilik Seminar Masjid An-Naim Jalan Kebun, Seksyen 30 Shah Alam (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.1.4 Pengajian Tauhid

Masjid An-Naim memulakan pengajian tauhid menggunakan buku yang dibimbing oleh Ustaz Fadhil setiap bulan. Pengenalan telah bermula malam 22 November 2019 selepas Solat Maghrib. Jemaah yang ingin turut serta pengajian ini setiap bulan boleh mendapatkan buku ini di pasaran atau membuat pesanan melalui biro pengajian Masjid An-Naim. Moga pandangan dan pegangan kita kepada ahli sunnah wal jamaah semakin jelas dan berteraskan ilmu yang dari guru.

“Untuk dewasa umum kita tekankan kepada ceramah-ceramah samada berkitab atau ceramah umum dan mulai tahun lepas, kita mula menolak langkah untuk memilih penceramah menggunakan kitab supaya jemaah boleh rujuk dan mereka mempunyai rujukan mereka baca dan meneliti apa yang telah diajarkan. Kita ada beberapa buku yang telah diketengahkan apa yang paling selalu saya tekankan adalah untuk melihat balik pemahaman kita terutamanya dari sudut tauhid”

(Muhd Othman, 2020)

4.1.5 Kursus Haji

Kursus ibadah haji bersiri 2019/2020 telah diadakan pada setiap hari Ahad jam 8 pagi yang mana ia mempunyai 13 siri dan hampir 50 bakal Jemaah turut menyertai kursus tersebut. Kursus ini disampaikan dengan setiap minggu orang yang berbeza dan tapik yang berbeza.

“Kalau sekarang ini boleh dikatakan musim haji lah dan kita telah menjalankan kursus haji mengadakan 13 siri dan sekarang hampir separuh perjalanan, InsyaAllah akan tamat sebelum masuk Ramadhan. Itu lah pendidikan bersiri yang kita buat dan setiap tahun kita tengok sambutan bagus dan komitmen orang ramai juga bagus sebab ramai diantara mereka berminat kerana menunggu panggilan haji atau ada yang dah dapat tawaran atau persediaan untuk mereka bila-bila masa. Itu dari sudut haji”

(Muhd Othman, 2020)

4.2. Ibadah

4.2.1 Amalan Surah Setiap Malam

Amalan ibadah yang Masjid An-Naim amalkan setiap malam kecuali hari Khamis malam Jumaat selepas solat fardhu insyak ialah membaca Surah Al-Mulk beramai-ramai. Pada hari khamis malam jumaat akan bergilir-gilir setiap minggu dengan membaca Surah Yasin atau Surah Al-Kahfi.

“Kalau qiam tu kami laksanakan setiap malam. Kecuali malam jumaat Betul yasiin. Al kahfi pon kami buat malam jumaat Al Mulk kami buat setiap malam. Al mulk kami buat lepas isya. Kalau setiap kali cuti sabtu ahad kami akan buat kuliah subuh. Sarapan kami telah sediakan”

(Mohd Hamdan, 2020)

4.2.2 Solat Sunat Gerhana Matahari

Fenomena Gerhana matahari turut berlaku di Jalan Kebun, Seksyen 30, Shah Alam. Cuaca mendung menjadikan keadaan lebih gelap seperti menghampiri waktu Maghrib. Selepas solat Zohor, Ustaz Hafiz, Imam I memberikan penerangan ringkas kaifiat solat gerhana matahari. Ustaz Hafiz mengimamkan solat gerhana dengan bacaan jahar(kuat) seperti solat Hari Raya dan diikuti dgn bacaan Khutbah. Ramai jemaah yg hadir untuk turut serta menghidupkan sunnah dikala berlakunya gerhana. Moga Allah sentiasa melindungi dan merahmati semua. Setelah selepas solat keadaan kembali lebih cerah dan Gerhana dijangka tamat jam 3.30 petang (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.2.3 Ceramah Terakhir Mulidurrasul

Siri ceramah terakhir Mulidurrasul 2019 sempena bulan Maulid 2019 oleh Ustaz Syed Putra Haizam berjudul Khususiah Rasulullah SAW (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.2.4 Perarakan Cilik Maulidul Rasul

Pada 10 Oktober 2019, Perarakan Cilik Maulidur Rasul Masjid An-Naim anjuran Biro Muslimat, meriah dengan lebih 400 penyertaan. Perarakan Bermula dari Padang Rakyat Jalan Kebun menuju ke Masjid An-Naim, Kampung Jalan Kebun Seksyen 30 Shah Alam. Peserta diberikan *Goodies* untuk setiap kanak-kanak dan perkongsian ilmu yang bertajuk “Tips keluarga mukmin”. Selain Pertandingan Perarakan dan Sepanduk terbaik, ia juga ada Pertandingan Mewarna. Yang lebih penting mendidik anak-anak dalam memuliakan dan mencintai junjungan besar Rasulullah SAW (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.2.5 Bacaan Al-Quran dan Tahsin Solat

Jika diperhatikan dalam Jemaah ada pelbagai cara solat dan bacaan Al-Quran. Program ini dibuat bertujuan untuk menyelaraskan cara solat dan bacaan Al-Quran mengikut cara Rasulullah SAW dan Mazhab Syafie

“Bacaan Al-Quran untuk muslimin. Kita ada buat kuliah Dhuha. Kami ada buat tahsin solat”

(Mohd Hamdan, 2020)

4.2.6 Program Tilawah Al-Quran Peringkat Pusat Jagaan Warga Emas

Pada 16 Disember 2019, Nazir Masjid An-Naim bersama dalam program tilawah Al-Quran Peringkat Pusat Jagaan Warga Emas, 2019 di Bait Al-Mawaddah Jalan Kebun di bawah anjuran Lembaga Zakat Selangor. Program ini turut disertai oleh 6 pusat jagaan warga emas termasuk dari Pulau Pinang dan Pahang (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.3 Sosial

4.3.1 Program Orang Asli dan Muallaf

Masjid An-Naim bekerjasama dengan pihak Lembaga zakat dalam melaksanakan aktiviti social dan kemasyarakatan. Ini kerana Lembaga zakat telah mengambil tugas untuk mentadbir warga muallaf dan orang asli. Tetapi Masjid An-Naim juga tetap menghulurkan bantuan dan merancang bersama dalam membuat sesuatu aktiviti bersama orang asli dan muallaf

“Kalau program orang asli macam saudara baru seperti muallaf india. Mereka diambil dari lembaga zakat. Kita pernah keluarkan belanja untuk mereka”

(Mohd Hamdan, 2020)

4.3.2 Jalan Kebun Berselawat

Pada 31 Disember 2019 pada jam 9 malam, Masjid An-Naim telah mengadakan Jalan kebun berselawat di malam ambang 2020 dan perasmian mercu tanda Jalan Kebun. Bertempat di Padang Rakyat Jalan Kebun. Jalan Kebun Berselawat dimulai dgn bacaan doa oleh Imam Rashdan dan mempunyai beberapa persembahan dari Darul Wardah persembahan Kompang berirama dari SK Bukit Rimau, persembahan Mahaad Tahfiz Khairul Qalam dan persembahan dari Darul Solihin. Selain itu, juga ada Tazkirah oleh Ustaz Ikhsan Hakim sambil menanti ambang 2020 dan penampilan selebriti Ustaz Ehsan. Ucapan perasmian mercu tanda Jalan Kebun yang dirasmikan oleh ADUN Sungai Kandis (Facebook Masjid An-Naim, 2019)

4.3.3 Perlantikan Pengerusi Dan Jawatankuasa Surau Di Bawah Masjid An-Naim

Pada 27 Disember 2019 telah membuat penyampaian surat watahik perlantikan Pengerusi dan jawatankuasa surau di bawah jagaan Masjid An-Naim bagi sesi 2020/2022. Terdapat 13 surau di bawah An-Naim menerima watahik dari JAIS yang disampaikan menerusi Nazir Masjid An-Naim. Sijil disampaikan oleh Nazir kepada pengerusi-pengurus surau atau wakilnya, selepas kuliah Maghrib di dewan solat Masjid An-Naim. Selamat diucapkan bagi menjalankan tugas kepada Saf kepimpinan surau baru yang berkuatkuasa bermula 1 Jan 2020 hingga 31 Dis 2022 (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.3.4 Meraikan AJK Dan Para Petugas Dalam Majlis Apresiasi Makan Malam Penutup 2019

Pada 25 Dis 2019 Masjid An-Naim meraikan AJK dan para petugas dalam Majlis Apresiasi Makan Malam Penutup 2019 di Restoran Laman Sari, Jalan Kebun. Terima kasih diucapkan kepada semua atas jasa dan pengorbanan yang menyumbangkan tenaga dan idea. Mereka adalah sebahagian dari Masjid An-Naim dan Masjid An-Naim adalah sebahagian dari kehidupan mereka (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.3.5 Kembara Bakti Srikandi

Kelab Remaja Srikandi Masjid An-Naim bawah biro wanita akan mengadakan kem sempena cuti sekolah khas untuk kaum wanita sahaja yang diberi nama Kembara Bakti Srikandi. Kem ini bermula pada 16 sehingga 19 Disember 2019 iaitu hari Isnin sehingga Khamis. Kem ini diadakan pada tiga tempat dari Jalan Kebun berpindah ke Banting dan sambung di Bagan Lalang. Syarat- syarat kelayakan untuk sertai kem ini kenalah berumur antara 12 tahun hingga 17 tahun, kaum perempuan sahaja dan sihat tubuh badan. Kem ini hanya terhad untuk 40 orang sahaja. Kem ini ditaja dari sumbangan anak ahli keluarga Majlis Permuafakatan Anak Yatim & Miskin (MPAYM)

4.3.6 Karnival Masjid An-Naim

Karnival Masjid An-Naim diadakan pada 17 November 2019 hari Ahad di Padang Rakyat Jalan Kebun. Program ini dibawah anjuran Biro Pemuda Masjid An-Naim Jalan Kebun. Terdapat pelbagai aktiviti antara ialah Fun Run, Futsal, Hydrogel Games, pertandingan Beyblade, pertandingan mewarna, pertandingan memasak, permainan tradisi, pameran motor, gerai jualan, kaunter Tabung Haji, cek kesihatan percuma dan banyak lagi (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

1) Fun Run Masjid An-Naim

Karnival Masjid An-Naim dimulakan dengan FunRun Masjid An-Naim pada 17 Nov 2019 7.30 pagi di Padang Rakyat Jln Kebun. Larian ini menyaksikan lebih 450 orang turut serta menyertai larian. Bagi peserta fun run bukan sahaja dapat menyertai larian tetapi juga menyumbang secara tidak langsung dalam tabung "*back to school*" untuk anak-anak yatim, fakir & miskin (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

2) Pertandingan Masakan Rasa Malaysia

Dalam Karnival Masjid An-Naim mengadakan Pertandingan Masakan Rasa Malaysia mencari 10 pasangan suami isteri yang ingin menyertai Pertandingan Masakan Rasa Malaysia. Pada tarikh, 17 November 2019. masa 2.00 petang bertempat di Pentas Padang Rakyat, Jalan Kebun. Penyertaan adalah percuma. Syarat – syarat penyertaan hanya pasangan suami isteri, bahan utama ialah ayam (Ambil ayam jam 7 pagi pada hari pertandingan di Masjid An-Naim), masakan siap masak dari rumah dan dibawa terus ke lokasi pertandingan Tema masakan ialah Rasa Malaysia (masakan makanan Malaysia). Penilaian juri berdasarkan rasa, kreativiti, hiasan dan pembentangan. Hadiah diberikan kepada pemenang juara, naib juara dan mendapat tempat ke-3 bakal menerima hamper rempah ratus (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

3) Kaunter Tabung Haji

Sambutan kaunter Tabung Haji sangat luar biasa pada hari Karnival Masjid An-Naim menyebabkan tabung Haji menambah operasi menjadi 2 hari di jalan kebun pada 16/11/2019 bertempat di Masjid An-Naim dan 17/11/2019 bertempat di Padang Rakyat. MPAYM menjangkakan lebih 400 akaun baru akan di buka dari anak yatim, fakir dan miskin (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4) Pertandingan Mewarna

Peraduan mewarna kanak-kanak sempena Karnival masjid An-Naim yang mana peserta lebih daripada 300 orang peserta kanak-kanak (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

5) Pertandingan Beyblade

Pertandingan beyblade sempena karnival Masjid An-Naim 2019 menarik ramai anak tempatan dan Luar Jalan Kebun berkunjung ke Jalan Kebun. Lebih 100 peserta bertanding sehingga khemah pertandingan penuh sesak. Final berakhir dengan persaingan antara 2 beradik (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

6) Pelancaran penutupan Karnival Masjid An-Naim 2019

Pelancaran penutupan Karnival Masjid An-Naim 2019, oleh YB DUN Sungai Kandis, Nazir Masjid An-Naim, Pengarah Projek, Kumpulan Raihan serta tetamu jemputan Nazir Masjid Al-Falah dan Johan Setia (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

7) Game Foolsal

Pada 18 November 2019 telah mengadakan Game foolsal sempena Karnival Masjid An-Naim 2019 yang disertai oleh 16 kumpulan remaja. Pembukaan gelanggang dimulakan dengan kumpulan pasukan Masjid An-Naim vs MPKK. Pasukan Masjid An-Naim menang 2-1 lawan dengan pihak MPKK (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.4 Kebajikan

4.4.1 Gotong-Rotong Membersihkan Tanah Perkuburan

Peluang hari cuti umum diambil dengan sebaiknya oleh ahli-ahli jawatan kuasa Masjid An-Naim dan penduduk Jalan Kebun untuk bergotong-rotong membersihkan Tanah Perkuburan Barat. Kebetulan juga seorang penduduk iaitu Puan Misnah Binti Bahari juga meninggal dunia. Masjid An-Naim dengan bantuan kerjasama Anak Jati Jalan Kebun dan MPKK meneruskan tradisi setiap tahun. Pondok wakaf rehat Tanah Perkuburan Barat juga kini telah dipindahkan ke tempat baru. Pondok sedia ada yang telah berkhidmat selama hampir 20

tahun kini telah dirobuhkan bagi memberi ruang yang lebih luas untuk dijadikan tempat persemadian setelah kepadatan penduduk Jalan Kebun yang semakin meningkat.

“kita ada jadual berkala, empat kali program gotong royong. Satu di perkuburan, satu di dekat masjid, dekat orang tua tolong bersihkan semua, basuh lantai sebab kita tengok orang tua tidak terurus. Jadi kita akan sentiasa buat seperti itu lah dan kebersihan persekitaran kampung. 2 bulan sekali, kita ada gotong royong di setiap lorong-lorong”.

(Ahmad Fuadi, 2020)

4.4.2 Program Khatan Perdana 2019

Program Khatan Perdana 2019 pada 12 November 2019. Ia betul-betul pada awal percutian sekolah memang sangat sesuai dengan waktunya sebab itu ia menggunakan kaedah teknologi terkini "*Neo Alisklamp*". Majlis Khatan Perdana dimulakan dengan bacaan doa selamat dipimpin oleh Ustaz Hafiz Husain, Imam I masjid-Naim. Majlis dirasmikan oleh YB Ust Hj Mohamad Zawawi. Peserta khatan diberikan cenderamata dan saguhati berupa wang tunai untuk setiap orang. Seramai 40 peserta mendaftar dan dikendalikan oleh 3 orang Doktor dari Klinik Cybermedic yang diketuai oleh Dr Hisham Sharif (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.4.3 Agihan *Back To School*

Pada 12 Dis 2019, Masjid An-Naim menyantuni 1500 ketua keluarga dari Jalan kebun untuk menerima agihan back to school oleh Lembaga Zakat Selangor. Exco MAIS merangkap pembantu Exco Agama Negeri Selangor YB Ustaz Haji Mohamad Zawawi Bin Ahmad Mughni, merasmikan dan menyampaikan sumbangan. Moga anak-anak jatim penduduk Jalan Kebun dapat menyambung persekolah sesi 2020 dengan semangat dan iltizam baru.

“Sekarang ini pun dah 100 ribu lebih. Tabung anak yatim sangat tinggi dan banyak. Sumbangan seperti back to school. Sumbangan hari raya dan banyak lagi”

(Mohd Hamdan, 2020)

4.5 Ekonomi

4.5.1 Membuat Penyewaan

Dalam mencari dana ekonomi untuk Masjid An-Naim menyara untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti danggan membuat sewaan kedai 10 pintu dan rumah sewa 4 pintu untuk penduduk Jalan Kebun. Selain itu, Masjid An-Naim juga mempunyai 2 buah *homestay* dan kilang. Masjid An-Naim akan membuka lagi 4 buah kedai untuk disewakan kepada orang untuk menjana ekonomi masjid untuk melaksanakan segala aktiviti-aktiviti yang akan datang.

“Dari segi ekonomi kami ada buat kedai sewa. 10 pintu kedai sewa. Kami ada kilang. Kami ada tanah wakaf. Kami ada rumah sewa 4 unit. Homestay ada 2. Kami bercadang mahu buka 4 lagi unit kedai”

(Mohd Hamdan, 2020)

4.5.2 Membeli Sambil Menyumbang

Masjid An-Naim telah mengeluarkan Kalender Islam 2020 beserta Taqvim Solat 1441-1442H. Dengan membeli dapat menyumbang sekali ke tabung Masjid An-Naim dengan bernilai RM5 seunit (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.6 Kesihatan

4.6.1 Klinik Peka B40

Pada 12 Januari 2020, pemeriksaan kesihatan percuma oleh Uni Klinik Kota Kemuning bagi mereka yang berusia 40 tahun dan keatas dalam program Peka B40 Kementerian Kesihatan. Kaunter ini dibuka bersempena program *Back To School* MPAYM Masjid An Naim. Para jemaah digalakkan mengambil kesempatan untuk membuat pemeriksaan secara percuma ini (Facebook Masjid An-Naim, 2019).

4.6.2 Jom Memanah @ Open Day Kelab Srikandi Masjid Annaim

Pada 27 Januari 2020 hari Isnin jam 8 pagi bertempat Masjid Annaim jalan kebun bawah biro muslimat telah mencipta Kelab Srikandi Masjid An-naim membuka tirai 2020 dengan mengadakan hari terbuka bagi mengajak rakan srikandi baru yang ingin menyertai dengan aktiviti Jom Memanah. Objektif kelab tersebut untuk menyemai sikap kesukarelawanan dan suka membantu dalam diri beliaidan meningkatkan kecekapan dan kualiti diri serta mewujudkan komuniti yang prihatin.

Di bawah wanita sangat aktif bukan saja untuk wanita. Tetapi kita telah lancar kan untuk aktiviti memanah.

(Ahmad Fuadi, 2020)

5. Penutup

Masjid merupakan sebuah institusi yang amat penting kepada umat Islam kerana ianya merupakan tempat untuk melaksanakan ibadah, dakwah, penyebaran ilmu serta aktiviti-aktiviti pembangunan ummah yang lain. Masjid An-Naim sebagai sebuah masjid pembangunan yang berjaya melalui sumbangan yang diberikan kepada masyarakat. Masjid An-Naim memberikan tumpuan kepada aktiviti-aktiviti dari segi pendidikan, ibadah, sosial, ilmu, ekonomi, kesihatan, kebajikan, kesihatan dan banyak lagi. Aktiviti Masjid An-Naim

bukan sahaja dikawasan masjid tetapi juga dilaksanakan di sekitar Selangor dan seluruh Malaysia untuk memenuhi tanggungjawab asas kemanusiaan dan untuk lebih mengenali Islam. Masjid An-Naim adalah masjid yang aktif dalam menjalankan pelbagai aktiviti dari segi aspek pendidikan, dakwah, kebajikan, ekonomi, kesihatan, wanita dan sebagainya. Masjid ini telah mencapai pelbagai anugerah antaranya adalah Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor 2009 mendapat tempat kedua dalam kategori B (berusia 10 tahun ke atas), Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor 2004 dalam kategori C (berusia 16 tahun ke atas) dan Anugerah Penanda Aras Pencapaian KPI 2014 Masjid Daerah Klang. Diharapkan artikel dapat memberi panduan kepada pengurusan masjid, individu dan masyarakat dalam usaha mengimarahkan masjid di kawasan masing-masing.

RUJUKAN

- Aiman Danial Muhyiddin & Azriana Ridouan (2020). Peranan Ahli Kariah Masjid Dalam Mengimarahkan Aktiviti-Aktiviti Masjid: Satu Kajian Di Masjid Taman Bukit Bendera, Mentakab, Pahang Darul Makmur. *Jurnal al-Sirat*. Vol. 19: 118-134
- Abdul Hakim Bin Baharudin @ Ismail, Z. B. (2018). Fungsi Masjid Dalam Perundangan Islam: Sorotan Literatur. Bangi: Fakulti Syariah dan Undang-Undang.
- Ahmad Fuadi Bin Sarham, 2020. Pelaksanaan Aktiviti Masjid An-Naim. Temubual. Lorong Muhni, Jalan Kebun.
- Dawamy, A. R. (2008). Falsafah Dan Fungsi Masjid Dalam Islam. In M. I. Jasmi, Fungsi Dan Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari. Johor: Universiti Teknologi Malaysia., 21-28.
- Mohd Idris Bin Mohd Yusoff1 & Syarul Azman Bin Shaharuddin 2020. Kajian Terhadap Aktiviti-Aktiviti Di Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi Ke Arah "Masjid Mesra Remaja. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shahvol* .7 (2): 161-175
- Mohd Hamdan Bin Rahim .2020. Pelaksanaan Aktiviti Masjid An-Naim. Temubual. Lorong Taib, Jalan Kebun.
- Muhd Othman Bin Ahmad Mughni, 2020. Pelaksanaan Aktiviti Masjid An-Naim. Lorong Muhni, Jalan Kebun.
- Safinah Ismail, S. A. (2014). Peranan Masjid Al-Azhar KUIS Dalam Dakwah. *International Conference on Masjid, Zakat and Waqf*. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor., 117-127.